



MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU

LENSA



LENSA MBBB BIL. 1/2024

16 JANUARI - 15 MEI 2024



IMBAS QR KOD
PENERBITAN RASMI MBBB

MAJLIS JUBLI MUTIARA MBBB RAI ANGGOTA BERPRESTASI CEMERLANG



www.mbbb.gov.my

facebook.com/mbbbbrasmii

MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU



"Memperkukuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya Dan Lestari"

SIDANG PENGARANG 'LENSA BANDAR RAYA JB'



PENAUNG
Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman
Datuk Bandar Johor Bahru

PENASIHAT 1
Haji Miswan bin Yunus
Setiausaha

KETUA PENGARANG
Encik Harulsam bin Ismail

PENASIHAT 2
Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

PENGARANG/KOLUMNIS
Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf
Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Puan Nur Qurratulaini binti Kamaruzaman

JURUFOTO
Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUSETA
Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

DIREKTORI TELEFON MBBJ

JABATAN/ BAHAGIAN	NO-TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510
JABATAN PENGURUSAN	
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
UNIT INTEGRITI & PEMODENAN	07-219 8117
PENTADBIRAN	
BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI	07-219 8197
UNIT KERJASAMA AWAM & SWASTA	07-219 8234
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN	07-219 8273
UNIT PUSAT SETEMPAT	07-219 8285
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
UNIT DASAR & KUALITI	07-219 8159
UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
UNIT MESYUARAT	07-219 8022
JABATAN PELESENAN	
BAHAGIAN PELESENAN (PENTADBIRAN)	07-219 8295
JABATAN PERBENDAHARAAN	
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091
BAHAGIAN UKUR BAHAN & KONTRAK	07-219 8042
JABATAN PENILAIAN	
BAHAGIAN PENILAIAN (PENTADBIRAN)	07-219 8231
JABATAN PENGURUSAN HARTA	
BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA (PENTADBIRAN)	07-219 8243
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	
BAHAGIAN PERANCANG (PENTADBIRAN)	07-219 8246
JABATAN KAWALAN BANGUNAN	
BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN (PENTADBIRAN)	07-219 8202
JABATAN KERJA AWAM	
BAHAGIAN KEJURUTERAAN (PENTADBIRAN)	07-219 8135
JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	
PEJABAT AM (PENTADBIRAN)	07-221 5164
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	
PEJABAT AM (PENTADBIRAN)	07-219 8039
JABATAN KESIHATAN	
PEJABAT AM (PENTADBIRAN)	07-228 2628
JABATAN PENGUATKUASAAN	
PEJABAT AM (PENTADBIRAN)	07-227 1054
JABATAN LANDSKAP	
PEJABAT AM (PENTADBIRAN)	07-228 2636

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada: Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

INTISARI BULETIN LENSAS

- 3 - PELANCARAN PORTAL GEOJB
- PERHIMPUNAN AWAL TAHUN MBBJ
- 4 - PELANCARAN HAB KITAR SEMULA
- PERASMIAN SUKAN MALA 2024
- 5 - MOU OSC MBBJ BERSAMA RAKAN STRATEGIK JOHOR FAST LANE
- CABUTAN NAMA BERTUAH CUKAI HARTA
- 6 - MBBJ RAIH ANUGERAH EMAS DI AIGA 2023
- PEMBENTANGAN SUDUT LESTARI MBBJ
- 7 - KEMBIRI KUCING KEKAL PERSEKITARAN SIHAT
- AKTIVITI KITAR SEMULA DI PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL
- 8 - INFO LAWATAN
- 9 - KUPASAN BICARA BUKU
- 10 - KILAS LENSAS
- 11 - MBBJ JULUNG KALI TERBIT SIRI AUDIO SIAR "LEPAK BANDO JB"
- 12 - IHYA' RAMADAN 1445H/2024M
- 13 - PROGRAM "ROAD TO RAYA" SANTUNI MASYARAKAT
- 14 - MAJLIS ANGKAT SUMPAA AHLI MAJLIS MBBJ SESI 2024/2024
- 15 - MAJLIS JUBLI MUTIARA MBBJ SEMPENA ULANG TAHUN KE-30
- 16 - RUMAH TERBUKA MUTIARA AIDILFITRI MBBJ
- 17 - SLOT "EXCEL" MBBJ
- 18 - PROGRAM ZON AHLI MAJLIS DAN LA21
- 19 - MBBJ SANA SINI



PELANCARAN PORTAL GEOJB VERSI 3.0

1 Februari 2024 - Majlis Pelancaran Portal GeoJB Versi 3.0 telah diadakan di *Johor Bahru Integrated Operation Command Centre (JBIOCC)*, Aras 15 Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Portal GeoJB Versi 3.0 mengandungi 47 tema dengan 124 lapisan data dengan penjenamaan JB Mampan. Portal ini telah mencapai hits ke 100,000 pada 9 Januari 2024 setelah berkhidmat selama 3 tahun 5 bulan kepada warga MBJB dan penduduk Johor Bahru.

Antara ciri menarik ialah Portal GeoJB 3.0 memaparkan tambahan aplikasi web Stesen Pengecasan EV dan Lokasi AED di Galeri Data Terbuka. Selain itu, Galeri Ahli Majlis telah disusun semula menjadi 4 aplikasi web yang boleh diakses oleh orang awam dan bersama *dashboard* Cukai Taksiran mengikut kawasan Ahli Majlis. Pengguna kini boleh memilih peta asas mereka yang mengandungi 23 pilihan. Fungsi pengukuran dan tambah data juga diaktifkan dalam versi GeoJB 3.0. Fungsi ini membolehkan pengguna melakukan analisis mengikut objektif mereka.

Portal GeoJB juga penting untuk berfungsi sebagai *platform Urban Observatory* di peringkat tempatan selain merupakan salah satu kaedah

untuk menguruskan bandar dengan cara pintar dan mampan. Sehingga kini, Portal GeoJB juga telah mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa iaitu:

- i. *ESRI Malaysia Geoinnovation Awards* sebagai 7 portal GIS terbaik di Malaysia pada tahun 2021.
- ii. *Dashboard* Cukai Taksiran sebagai salah satu *dashboard* di dalam *plenary session* oleh Jack Dangermond di *ESRI User Conference* pada 12 Julai 2022.
- iii. *Gold Awards* di *MIP Planning Excellence Awards 2022* untuk kategori *Planning Service Excellence Awards*.
- iv. *Dashboard* Denggi sebagai *dashboard* terbaik di *GIS Day 2023* oleh ESRI Malaysia.

Sehubungan dengan itu, semua warga kerja, penduduk dan pihak berkepentingan di bandar raya Johor Bahru diseru untuk memaksimumkan penggunaan Portal GeoJB bagi mendapatkan data terkini dan eksplorasi Johor Bahru secara maya.

PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2024 & AMANAT DATUK BANDAR JOHOR BAHRU



5 Februari 2024 - Perhimpunan Awal Tahun 2024 dan Amanat Datuk Bandar Johor Bahru di Dewan Kenanga, Menara MBJB. Dalam perhimpunan awal tahun MBJB ini, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, telah menyampaikan kata-kata nasihat, peringatan berkaitan nilai integriti anggota, gerak kerja serta hala tuju MBJB sepanjang tahun ini dan tahun-tahun akan datang. YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bersama pengurusan tertinggi MBJB turut menyampaikan anugerah-anugerah serta pencapaian terbaik MBJB di dalam majlis ini.

PELANCARAN HAB KITAR SEMULA DI B5 JOHOR STREET MARKET

18 Februari 2024 - Majlis Pelancaran Hab Kitar Semula Di B5 Johor Street Market yang julung kali dianjurkan oleh Yayasan JCorp dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), SWM Environment Sdn Bhd dan Damansara Property Management Sdn Bhd telah berlangsung dengan jayanya.

Pusat pandu lalu yang diwujudkan di hab kitar semula ini akan lebih memudahkan masyarakat khususnya di sekitar bandar raya Johor Bahru untuk menghantar barangan kitar semula, seterusnya dapat mengumpul mata ganjaran yang boleh ditebus dengan wang di bawah Program Kitarecycle anjuran SWM Environment Sdn Bhd.

Inisiatif ini adalah langkah yang penting dalam usaha kita untuk menjaga alam sekitar dan menjadikan bandar raya Johor Bahru sebagai bandar raya peneraju dalam usaha kelestarian alam di negara ini.

Kerjasama dengan rakan strategik seperti Yayasan JCorp dan SWM Environment dalam mewujudkan hab kitar semula di bandar raya Johor Bahru ini adalah usaha yang sangat baik dan diharapkan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat setempat akan betapa pentingnya menjaga kebersihan bandar, serta dalam masa yang sama berkaitan kelestarian alam dan sumber semula jadi.



MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SUKAN PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MALA)



22 Februari 2024 - Kontinjen Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menyertai Majlis Perasmian Karnival Sukan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) yang telah diadakan di Dewan Bola Keranjang, Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama timbalannya, YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah merangkap Presiden MALA, Datuk-Datuk Bandar dan Yang Dipertua-Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia.

Sebanyak 57 kontinjen sukan daripada PBT Malaysia turut serta dalam karnival Sukan MALA ini di mana 4 acara dipertandingkan iaitu hoki 7 sebelah, dart, sepak takraw dan futsal yang dianjurkan oleh keempat-empat PBT Negeri Melaka.

MAJLIS MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU DENGAN AGENSI TEKNIKAL SEBAGAI RAKAN STRATEGIK JOHOR FASTLANE



27 Februari 2024 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah memeterai Memorandum Persefahaman bersama agensi teknikal sebagai rakan strategik *Johor Fast Lane* (JFL).

Hadir sama ialah agensi teknikal seperti Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru, PLANMalaysia@Johor, Jabatan Kerja Raya Johor, Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor, Jabatan Pengairan dan Saliran Johor, Jabatan Mineral & Geosains Johor, Jabatan Alam Sekitar Johor, Indah Water Konsortium Sdn Bhd, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Tenaga Nasional Berhad, SAJ Ranhill dan SWCorp.

Johor Fast Lane MBJB merupakan satu proses pemajuan yang dilaksanakan secara pantas dan tangkas bermula daripada sebelum kelulusan pelan sehingga bangunan siap dibina di tapak, seterusnya kebenaran beroperasi dalam masa yang singkat melalui gabungan proses di peringkat kelulusan pelan, pembinaan di tapak, pengeluaran sokongan CCC dan pemberian lesen pengoperasian.

Bagi menggalakkan pemaju atau operator merancang dan merencanakan pembangunan di kawasan pentadbiran MBJB, terdapat 6 Inisiatif *Johor Fast Lane* iaitu (i) Penyelarasan Awal Teknikal, (ii) Kelulusan Secara Serentak, (iii) Kebenaran Masuk Tapak Awal, (iv) Permohonan Lesen Awal, (v) Pemasangan Mesin Awal, (vi) Penjimatan Masa dan Kos.

Di MBJB, skop JFL lebih meluas kepada semua jenis pembangunan yang berorientasikan perniagaan seperti (i) Kemudahan swasta (hospital, sekolah dan dewan), (ii) Stesen minyak dan serbaneka / restoran atau stesen minyak sahaja, (iii) Kilang, bengkel, gudang dan *showroom*, (iv) Pasar raya, kedai atau restoran dan (v) Hotel, motel dan rumah rehat.

CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2023



29 Februari 2024 - Sesi Cabutan Bertuah Cukai Harta bagi tahun 2023 Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berlangsung di Panggung Cempaka, Menara MBJB dengan disaksikan oleh Ahli-Ahli Majlis serta Ketua Jabatan MBJB.

Sesi cabutan bertuah ini dilaksanakan secara elektronik dan telah disiarkan secara penstriman langsung melalui laman Facebook rasmi MBJB.

Cabutan bagi hadiah utama telah dilaksanakan oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru manakala cabutan bagi kategori lain dilaksanakan oleh Ahli-Ahli Majlis MBJB.

Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Harta MBJB bagi tahun 2023 ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu kategori bayaran atas talian, kategori selain bayaran atas talian dan kategori Zon Ahli Majlis.

Antara hadiah Cabutan Bertuah tersebut adalah wang tunai, baucar cukai harta dan barangan elektronik seperti *Microsoft Surface*, komputer riba, *iPhone*, *smart watch* dan lain-lain.

Program Cabutan Bertuah Cukai Harta ini akan dilaksanakan setiap tahun dengan menawarkan hadiah-hadiah yang menarik. Pemilik harta di kawasan MBJB hendaklah menjelaskan cukai harta dengan kadar segera untuk berpeluang memenangi hadiah-hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan.



MBJB TERIMA ANUGERAH EMAS AIGA 2023

29 Februari 2024 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima Anugerah Emas sempena Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 yang dirasmikan oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan 2 sebagai wakil rasmi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di Dewan Sri Siantan Perbadanan Putrajaya.

AIGA adalah satu anugerah bertujuan memberikan penghargaan kepada organisasi awam dan swasta yang komited dalam membudayakan integriti, governans terbaik dan inisiatif antirasuah dalam organisasi.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang AIGA 2023. Semoga usaha membudayakan integriti dan tadbir urus cemerlang ini akan terus subur ke arah negara yang makmur, sejahtera dan mampan.



SESI PEMBENTANGAN & PERKONGSIAN PEMBANGUNAN SUDUT LESTARI

4 Mac 2024 - Sesi Pembentangan dan Perkongsian Dalam Pembangunan Sudut Lestari Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diadakan secara dalam talian bersama beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan negara-negara ASEAN bersama Kyoto Environmental Activities Association, Japan. Antara PBT yang terlibat adalah Majlis Perbandaran Segamat, Majlis Daerah Mersing, Perbadanan Pembangunan Bintulu, Majlis Daerah Kapit, Majlis Perbandaran Tawau, Surakarta City Indonesia, Hue City Vietnam, Bangkok Metropolitan Administration Thailand, Kyoto City dan Miyako Ecology Center.

Sesi pembentangan ini turut disertai oleh 4 wakil Kyoto Environmental Activities Association (KEAA) secara fizikal di MBJB. Dalam sesi ini MBJB telah berkongsi proses pembangunan Sudut Lestari bermula dari awal penubuhan yang merangkumi latihan anggota tentang maklumat lestari, pembahagian tugas anggota dalam membangunkan deraf kandungan lestari, reka bentuk panel, perancangan program lestari, mewujudkan rakan kerjasama serta sukarelawan.

Hasil dari pembentangan ini, PBT yang terlibat perlu menyediakan Perancangan Pelan Tindakan Lestari dan perlu dibentangkan kepada KEAA pada bulan Julai 2024 bagi dibuat penilaian untuk mewujudkan Sudut Lestari di PBT berkenaan.



KEBIRI KUCING KAWAL POPULASI

9 Mac 2024 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melaksanakan Program Kebiri Kucing di kawasan MBBJ bersama pihak Wira Kasseh JB dan *Cat Tiram Shelter* di Dewan Muafakat Taman Adda Height, Johor Bahru.

Sebanyak 160 ekor kucing telah berjaya dimandulkan dengan penglibatan orang awam, pihak badan bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dan klinik veterinar.

Program kebiri ini bertujuan mengawal populasi kucing liar di kawasan MBBJ seterusnya memberikan kemudahan kepada orang awam untuk melaksanakan aktiviti pemandulan kucing di kawasan bandar raya ini.



PROGRAM KITAR SEMULA PANDU LALU PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL

9 Mac 2024 - Sebanyak 2,500 kilogram barangan, fabrik dan minyak masak terpakai telah berjaya 'diselamatkan' semasa Program Kitar Semula Pandu Laluan yang telah berlangsung di Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru. Program ini dijangkakan dapat menggunakan bahan terpakai secara optimum di samping mengelak pembaziran sumber alam semula jadi yang semakin terhad. Warga bandar raya Johor Bahru juga boleh menghantar barangan kitar semula menggunakan KITAREcycle boleh hantar ke kemudahan yang disediakan seperti berikut:

- Hab Kitar Semula @ B5 Johor Street Market
- Pusat Kitar Semula Pandu Laluan, Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC)
- Pusat Kitar Semula Pandu Laluan, Tapak Semaian MBBJ Jalan Tahana
- SWM Environment Bandar Dato' Onn.

Sebarang pertanyaan tentang kitar semula dan KITAREcycle boleh hubungi SWM Environment di talian 07-335 6000.



INFOLAWATAN



• 22 Januari 2024

Lawatan Kerja Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Negeri Sabah

Lawatan ini bertujuan menjana perkongsian maklumat berkaitan pelaksanaan Unit Pusat Setempat (OSC) supaya dapat ditubuhkan di Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Sabah melalui Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah. Mengetuai delegasi lawatan ini ialah Tuan Augus Tamaning, Pengarah di Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah bersama-sama para pegawai dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah.

• 22 Januari 2024

Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)

Perkongsian amalan terbaik penggunaan Sistem Penyediaan Senarai Nilai Baru (PSNB) serta mempelajari secara asas sistem PSNB yang digunakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Mengetuai sesi lawatan ini ialah Sr. Baizah binti Burhan bersama-sama para pegawai dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKu.



• 27 Januari 2024

Lawatan Majlis Perbandaran Muar (MPM)

Delegasi ini diketuai oleh Encik Muhammad Ali bin Tukiman, Arkitek MPM, bagi perkongsian maklumat berkaitan infrastruktur pusat data dan sistem rangkaian ICT MBBJ. Delegasi MPM telah disambut oleh Tuan Haji Fadzil bin Mohammad, Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan (Teknologi Maklumat) MBBJ, dan Ts. Khairul Afandi bin Mustafa, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan (Teknikal & Rangkaian Teknologi Maklumat), serta diberikan taklimat berkaitan.

• 29 Februari 2024

Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Lawatan ini bertujuan membincangkan pelaksanaan Akta 672 dan penambahbaikan yang diperlukan bagi memperkasakan penggunaan akta tersebut. Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diketuai oleh Encik Muhammad Husni bin Mahmud, Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang. Turut hadir ialah Tuan Haji Muhamad Syahrizat bin Alwee, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Encik Othman bin Abdul Latif, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP. Taklimat telah disampaikan oleh Ts. Mohd Faizal bin Hassan, Penolong Pengarah Kesihatan (Alam Sekitar, Promosi & Pendidikan Kesihatan) MBBJ.



• 11 Mac 2024

Kunjungan Vice President Digital Health & Digital Cities, Malaysia Digital Economic Corporation

MBJB telah menerima kunjungan daripada Ir. Dr. Karl Ng, Vice President Digital Health & Digital Cities, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Kehadiran beliau disambut oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, serta pengarah-pengarah jabatan MBBJ di Pusat Kawalan Bersepadu Johor Bahru (JBIOCC), Aras 15 Menara MBBJ. Beliau telah diberi taklimat berkaitan JBIOCC serta bandar pintar Johor Bahru secara amnya bagi mengetahui inisiatif dan cabaran MBBJ dalam pembangunan bandar pintar serta bagaimana MDEC boleh menyokongnya. Pembangunan JBIOCC ini juga adalah selari dengan peranan MDEC sebagai pemacu transformasi digital bandar raya dan ekonomi setempat.

• 13 Mei 2024

Kunjungan Hormat Delegasi Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao (BARMM) Republik Filipina

Kunjungan ini bertujuan bagi bertukar-tukar maklumat mengenai Industri Halal di Malaysia selain menerokai pelbagai potensi kerjasama di antara kedua-dua pihak. Delegasi BARMM seramai 26 orang ini diketuai oleh Atty. Sukarno A. Abas iaitu Timbalan Menteri Perdagangan, Pelaburan dan Pelancongan BARMM. Kehadiran delegasi telah disambut oleh En. Harulisam bin Ismail, Pengarah Korporat & Perhubungan Awam MBBJ serta Ketua-ketua Jabatan MBBJ.



SIRI BICARA BUKU @ MBBJ DEDAH PERKONGSIAN ULASAN DARI SUDUT PANDANG PEMBACA

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melalui Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru giat menjalankan program bersiri mengenai resensi buku dengan judul "Bicara Buku @MBJB" yang melibatkan pegawai dalam kumpulan pengurusan & profesional MBBJ. Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada mereka selaku pembaca untuk berkongsi ulasan, komentar dan penilaian tentang sesebuah buku yang telah dibaca. Siri ini juga diharap dapat mendidik warga kerja MBBJ untuk memupuk sikap minat membaca dan menimba ilmu pengetahuan baharu daripada tabiat membaca.

6 Februari 2024 - Judul buku dan pegawai yang terlibat dalam siri kali ini adalah "*U-Turn Ke Syurga*" yang dikupas oleh Puan Syafini binti Mohi, Pengarah Pengurusan Harta dan Encik Mohd Firdaus bin Mohamed, Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan (Projek Bangunan) dengan tajuk buku "Perang-Perang Rasulullah". Moderator siri bicara buku kali ini dikendalikan oleh Puan Nor Azah binti Nor Aziz, Pengarah Unit Audit Dalam.



1 April 2024 - Pada bicara buku kali ini, dua orang pegawai dalam kalangan pengurusan tertinggi MBBJ, iaitu Yang Berusaha Puan Ir. Hajah Nazatul Shima Binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ dengan buku berjudul "*Never Give Up*", digandingkan bersama Yang Berusaha Tuan Haji Abdul Aziz Bin Ithnin, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBBJ, dengan buku berjudul "*Jangan Bersedih*". Moderator siri bicara buku kali ini turut dikendalikan oleh Puan Nor Azah binti Nor Aziz, Pengarah Unit Audit Dalam.



6 Mei 2024 - Bicara buku kali ini melibatkan Dr. Hajah Aslinda Binti Salikin, Pengarah Kesihatan, Jabatan Kesihatan dengan buku berjudul "*The Gift of Dyslexia*" dan digandingkan bersama Encik Mohd Syazwan Bin Abdul Rauf, Ketua Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Awam, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBBJ, dengan buku berjudul "*I Didn't Get Where I Am*". Moderator siri bicara buku kali ini dikendalikan oleh Puan Lar. Ezeti Fazriah Binti Kamarul Azman, Ketua Penolong Pengarah Landskap, Bahagian Perancangan dan Kawalan Landskap.



PELUPUSAN BAHAN SITAAN ROKOK (ELEKTRONIK/ATAU VAPE)

22 Januari 2024 - MBBJ telah membuat pelupusan bahan rokok elektronik atau 'vape' hasil operasi sitaan yang telah dijalankan. Sitaan 'vape' ini telah dibuat di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBJB) 2016. Untuk makluman, larangan penjualan rokok elektronik atau 'vape' di negeri Johor telah berkuatkuasa sejak 1 Januari 2016. Pelupusan ini dibuat terhadap hasil 62 kes sitaan barangan premis yang menjalankan aktiviti menjual rokok elektronik. Sebanyak 1.05 tan rokok elektronik telah dilupuskan dengan kaedah pelupusan 'e-waste'. Aktiviti pelupusan hari ini turut dihadiri oleh Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta SWM Environment.



MAJLIS SAMBUTAN KEBERANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR KE ISTANA NEGARA

31 Januari 2024 - Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar ke Istana Negara pagi ini bagi Istiadat Melafaz dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17. Keberangkatan Baginda telah disambut meriah oleh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru, warga Polis Marin, warga Klinik Kesihatan Tampoi, kuarters Kementerian Kesihatan Malaysia, para pekerja serta penduduk di sekitar Skudai Kiri dan Skudai Kanan.



SESI FOCUS GROUP DISCUSSION PELAN INDUK IBRAHIM/INTERNATIONAL BUSINESS DISTRICT (IBD)

17 April 2024 - Satu sesi 'Focus Group Discussion' (FGD) berkaitan Pelan Induk Ibrahim International Business District (IIBD) telah diadakan di Dewan Kenanga, Menara MBBJ, melibatkan jabatan-jabatan dalam Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama pihak JLand Group dan IIBD (Johor) Sdn Bhd. IIBD adalah merupakan sebuah projek rejuvenasi bandar di bawah usahasama JCorp menerusi JLand Group (JLG), State Secretary Johor Incorporated and Iskandar City Development Sdn Bhd. Kawasan pembangunan IIBD yang berkeluasan 250 ekar (8.85 km persegi) turut menjadi Iskandar Malaysia Flagship Zone A : Heritage & Life Style yang juga merupakan Zon Antarabangsa Johor Bahru dan Zon Bersih.



MBJB TERIMA PENGIKTIRAFAN DI MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS 2024

11 Mei 2024 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima Honour Award kategori Green Initiatives Award (Kategori Kerajaan) di Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 bagi program JB Lestari MBBJ Sustainable Initiatives Program 2023 yang telah dijalankan sepanjang tahun 2023 melibatkan program Sudut Lestari di Perpustakaan Sultan Ismail dan Green Festival di TMIYC sempena Asia Pacific Climate Week 2023 yang diadakan di Johor Bahru. Program-program ini merangkumi kesedaran kelestarian, program kehijauan dan penglibatan komuniti. Selain itu, MBBJ bersama pihak UMW Toyota Sdn. Bhd. dan Sekolah Sultan Ismail dalam program 'CSR' pengindahan di kawasan Hutan Bandar telah menerima Honour Award Green Initiatives Award bagi CSR Category yang merupakan program pengindahan dan membaikpulih kawasan rekreasi di hutan bandar yang diberi nama 'Conservation For A Sustainable Future at Hutan Bandar Johor Bahru'.



MBJB JULUNG KALI TERBIT 'PODCAST' BERJUDUL 'LEPAK BANDO JB'


Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) buat julung kalinya menerbitkan beberapa siri audio siar atau 'podcast' dengan nama 'Lepak Bando JB' bermula pada 26 Mac 2024 lalu. Terbitan 'podcast' secara dalaman (in house) ini melibatkan kepakaran beberapa kru produksi teknikal dari pelbagai jabatan MBJB seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam dan Bahagian Teknologi Maklumat. 'Podcast' MBJB dihoskan oleh En. Mohd Syazwan bin Abdul Rauf, Ketua Penolong Pengarah Korporat dan Perhubungan Awam, manakala panelis jemputan pula terdiri daripada anggota MBJB dalam kumpulan pengurusan dan profesional bagi membincangkan isu-isu semasa secara santai yang menjadi trend terkini di samping mempromosi nama MBJB dari medium yang lain.




Poster promosi episod pertama 'Podcast Lepak Bando JB'



Poster promosi episod kedua dan ketiga 'Podcast Lepak Bando JB'.



Sekitar aktiviti kru produksi 'Podcast Lepak Bando JB' semasa sesi rakaman 'podcast' bagi episod pertama, kedua dan ketiga yang lalu.



Imbas Kod QR
untuk menonton siri
'podcast' terbitan
MBJB

IHYA RAMADAN 1445H

Bersempena bulan Ramadan al - Mubarak 1445H tahun 2024 kali ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) giat menyemarakkan program Ihya' Ramadan bersempena meraikan bulan tersebut. MBJB turut berpeluang menganjurkan program dan merakam pelbagai peristiwa dan aktiviti yang telah diadakan bersempena bulan mulia ini.

- 1 11 Mac 2024
Program Kitab Daurah (Puspanita MBJB)
- 2 19 Mac 2024
Program Tadarus Al-Quran Perdana Peringkat MBJB
- 3 21 Mac 2024
Majlis Iftar Bersama Datuk Bandar Johor Bahru di Surau Al-Mukhlisin, Taman Setia Tropika
- 4 25 Mac 2024
Program Qiamullail Ramadan Bersama Datuk Bandar Johor Bahru di Masjid An-Nur, Stulang Laut

- 5 1 April 2024
Program Qiamullail Ramadan Bersama Datuk Bandar Johor Bahru di Masjid Taman Bukit Mutiara
- 6 4 April 2024
Program Pengagihan Daging & Ayam Mentah Anjuran PPPJB dan Puspanita MBJB
- 7 5 April 2024
Program Qiamullail Ramadan Bersama Datuk Bandar Johor Bahru di Masjid Jamek Bandar Baru Uda
- 8 7 April 2024
Program Qiamullail Ramadan Bersama Datuk Bandar Johor Bahru di Masjid Bandar Dato Onn





PROGRAM 'ROAD TO RAYA 2024' MBJB SANTUNI MASYARAKAT

Pada bulan Ramadan tahun ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) membawakan sedikit keunikan dengan menganjurkan program 'Road to Raya 2024' pada 30 hingga 31 Mac 2024 di Arena Larkin, Johor Bahru bermula jam 7.30 pagi hingga 5.00 petang.

Menerusi program ini, MBJB bersama-sama rakan strategik telah bergotong-royong memasak juadah ketupat, rendang dan sambal kacang untuk diagihkan kepada seramai 8,000 penerima dalam kalangan warga bandar raya. Gotong-royong ini melibatkan anggota MBJB, komuniti daripada 24 zon Ahli Majlis, PBT 'The Greater JB', agensi kerajaan dan swasta serta rakan-rakan strategik program. Sebanyak 50 buah periuk masakan disediakan dengan sekurang-kurangnya seramai 500 orang peserta telah terlibat dalam program ini. Edaran bungkusan juadah makanan ini adalah secara terbuka kepada semua warga bandaraya Johor Bahru dan kawasan sekitar tanpa mengira agama dan kaum bermula jam 4.00 petang di Arena MBJB Larkin.

MBJB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program 'Road to Raya' (R2R) MBJB 2024 terutama kepada rakan strategik program yang turut sama menyumbang kepada pelaksanaan program ini seperti Farm Fresh Milk Sdn Bhd, MRT Corp, Tropicana, Ranhill SAJ, Fajar Terbina, Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru (PPBJB), Damansara Assets, Yayasan Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kulai dan agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menjayakan program ini.

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU SESI 1 APRIL 2024 – 31 DISEMBER 2025



15 April 2024 - Seramai 24 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis MBBJ bagi sesi 1 April 2024 hingga 31 Disember 2025 yang diadakan di Dewan Inai Merah, Menara MBBJ. Lafaz Akuan Penerimaan Jawatan serta Sumpah Menyimpan Rahsia dan Ikrar Menentang Rasuah telah dilaksanakan oleh barisan Ahli Majlis di hadapan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Tuan Haji Miswan bin Yunus Setiausaha MBBJ, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ serta Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian MBBJ.

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBBJ BAGI TEMPOH 2024-2025

BIL.	NAMA	ZON
1	DATO' HAJI A AZIZ BIN AHMAD	DESA CEMERLANG
2	DATUK HAJI YAHYA BIN JAAFAR	BANDAR BARU UDA
3	DATO' HAJI ABD RASHID BIN KASMAN	KEMPAS
4	ENCIK NG YEW AIK	MOUNT AUSTIN
5	ENCIK BONG SENG HENG	STULANG
6	DATUK WIRA SHEIKH AHMAD NAFIQ ALFIRDAOUS	BANDAR
7	ENCIK G. JAYASILAN A/L GOPAL	TAMAN ABAD / WADIHANA
8	TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ISMAIL	PERMAS JAYA / TELUK JAWA
9	TUAN HAJI ABU TALIB BIN ALIAS	BAKAR BATU
10	ENCIK PANNIR SELVAM	TELUK DANGA
11	TUAN HAJI NORDIN BIN OMAR	TAMAN DAYA
12	PUAN CHAN SAN SAN	JOHOR JAYA / TAMAN RINTING
13	CIK TEOW CHIA LING	SETIA AUSTIN
14	ENCIK MOHD KHAIRUL AZLAN BIN SULONG	DESA HARMONI
15	ENCIK YOU JEAT XIONG	AUSTIN DUTA
16	ENCIK CHONG SEE MING	TAMAN MOLEK
17	ENCIK FAUZI BIN FAIZAL	TIRAM
18	PUAN NG LIED YING	TAMAN PELANGI / TAMAN SENTOSA
19	PUAN FADILAH BINTI SURADI	PELANGI INDAH
20	ENCIK AHMAD AL MUBARAK BIN MOHAMED KUNYI	TAMPOI
21	ENCIK ABDUL GAFAR BIN SUDIN	LARKIN
22	Sr Dr. NGOH WEI CHING	KEBUN TEH
23	CIK SITI KHAIRUNNISA BINTI RUSLAN	DATO' ONN / KANGKAR TEBRAU
24	ENCIK MOHAMAD ISAMUDDIN BIN MOHAMAD ISA	KG MELAYU / TAMAN SURIA



MAJLIS JUBLI MUTIARA MBBJ 2024



24 April 2024 - Majlis Jubli Mutiara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diadakan di Dewan Kenanga, Menara MBBJ bersempena Sambutan 30 Tahun MBBJ serta Sambutan Aidilfitri Bersama Warga Kerja MBBJ. Majlis Jubli Mutiara ini turut diadakan bagi menzahirkan penghargaan dan memberikan pengiktirafan kepada warga kerja MBBJ yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun 2023.

Seramai 103 orang anggota telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2023, 15 orang anggota menerima penghargaan perkhidmatan kerana berkhidmat melebihi 25 tahun ke atas, serta 29 anggota yang telah atau pun akan berpencen pada tahun 2024.

Pada masa yang sama, seramai 24 orang mantan Ahli Majlis Sesi 2023/2024 turut diberi penghargaan atas khidmat bakti mereka bersama MBBJ.

Dalam ucapan YB Datuk Bandar kepada warga kerja MBBJ, beliau mengatakan *“di sebalik semua pencapaian dan kejayaan yang telah dikecapi, ingin saya ingatkan juga agar kita jangan sesekali leka kerana tanpa sifat istiqamah dan tawaduk, sukar untuk kita mengekalkan kecemerlangan di dalam dunia yang sentiasa berubah dan kompetitif ini.”*

“Jika kita tak bersedia untuk menyesuaikan diri atau mempersiapkan diri dengan arus pemodenan dan globalisasi, sudah tentu kita akan ketinggalan dalam segenap perkara terutamanya dalam era serba serbi digital ini,” kata beliau.



RUMAH TERBUKA MUTIARA AIDILFITRI MBBJ 2024



8 Mei 2024 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Rumah Terbuka Mutiara Aidilfitri MBBJ yang diadakan di Stadium Tertutup Arena Larkin, Johor Bahru. Kata 'Mutiara' sebagai nama rumah terbuka pada kali ini diambil bersempena sambutan Jubli Mutiara MBBJ yang meraikan ulang tahun yang ke-30.

Seramai kira-kira 10,000 warga bandar raya Johor Bahru telah hadir memeriahkan dan menikmati pelbagai juadah hari raya yang enak dan menyelerakan. Rumah Terbuka Mutiara Aidilfitri ini turut diserikan dengan kehadiran YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Datuk-Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.



PENCAPAIAN AHLI PERSATUAN PEGAWAI P&P MBBJ (EXCEL MBBJ)

Encik Mokhzani bin Mislan, merupakan seorang pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang memegang jawatan sebagai Pegawai Teknologi Maklumat F48/ Ketua Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan (Teknologi Maklumat). Beliau seorang yang komited dan tegas dalam kerjayanya dan mempunyai pengalaman selama 16 tahun sebagai Pegawai Teknologi Maklumat di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Selain bidang Teknologi Maklumat, Encik Mokhzani juga berkemahiran dalam bidang Analisa Sistem Maklumat, Teknikal, Rangkaian dan Keselamatan Maklumat, Grafik dan Multimedia serta Dasar dan Perancangan ICT/Digital (17 tahun). Beliau juga pernah berkhidmat selama setahun sebagai Penolong Pegawai Sistem Maklumat di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.

Antara aktiviti dalam dan luar organisasi yang melibatkan Encik Mokhzani bin Mislan antaranya sebagai jemputan menjadi penceramah, panelis, moderator dan sebagainya adalah seperti berikut:-

- Ketua Delegasi, Fasilitator dan Ketua Kumpulan bagi Konvensyen KIK Dalam dan Luar Negara.
- Panel Penasihat Akademik di Kolej Vokasional Perdagangan Johor Bahru.
- Panel Penggubal Soalan Peperiksaan Skim F (SPAJ)
- Aktif dalam Bidang Sukan Sepaktakraw, Hoki, Ping Pong, Dart, Hoki, Karom dll.

Encik Mokhzani juga aktif dan memegang beberapa jawatan dan portfolio dalam persatuan dalaman dan luaran Majlis Bandaraya Johor Bahru, seperti :-

- Pengerusi Persatuan Pegawai P&P MBBJ (EXCEL)
- Yang Dipertua Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru (PPBJB)
- Ahli Lembaga Koperasi MBBJ Berhad
- Pengerusi Kelab Sepak Takraw MBBJ
- Ahli Persatuan Juruanalisa Sistem Malaysia (PERJASA)
- Ahli *Johor Computer Emergency Response Team (JCERT)*

Encik Mokhzani juga telah berjaya merangkul beberapa pencapaian dan pengiktirafan yang melonjakkan prestasi kerjaya beliau antaranya seperti:-

- Anugerah Kualiti ICT Kebangsaan (Ketua Kumpulan) 2009
- *Gold Award & Best Project Award International Convention & Quality Control Circles ICQCC* (Ketua Delegasi) 2018
- Pengurus Pasukan Sepak Takraw Negeri Johor SUKMA Melaka XII 2010 (Pingat Gangsa)
- Anugerah Khas Datuk Bandar 2022

Kejayaan cemerlang yang dikecapi oleh beliau ini diharap dapat menjadi pemangkin semangat dalam kalangan pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang lain untuk tetap fokus dan berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab demi kemajuan kerjaya pada masa-masa akan datang. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Encik Mokhzani bin Mislan. Tetaplah menggilap kegemilangan sendiri anda!



PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21

- 1 2 Februari 2024
Program Semarak Subuh Zon Permas Jaya di Masjid Bandar Permas Jaya
- 2 25 Februari 2024
Gotong-royong Zon Kangkar Daya di Pusara Taman Istimewa, Pandan
- 3 2 Mac 2024
Gotong-royong Zon Stulang di Pantai Stulang Laut Johor Bahru
- 4 2 Mac 2024
Program 'Run For Hope' Zon Kempas di PPR Kempas Permai

- 5 18 Mac 2024
Pelancaran Bulan Tanpa Tunai di Bazar Ramadan Taman Dahlia
- 6 6 April 2024
Program 'Kasih Sejiwa' Zon Larkin di Larkin Sentral
- 7 6 April 2024
Sumbangan Untuk Asnaf Zon Bakar Batu di Dewan Komuniti KDSM
- 8 5 Mei 2024
Sumbangan Untuk Asnaf & Program Memancing Zon Desa Harmoni di Laman Tasek Pandan



**M
B
J
B

S
A
N
A

S
I
N
I**



29 JANUARI 2024
THE 16TH/ASEZ/WAO ENVIRONMENT FORUM DI MENARA MBBJ



17 FEBRUARI 2024
BENKEL, DIDIK SENI & KARYA KREATIF DI TMIYC JOHOR BAHRU



17 FEBRUARI 2024
PROGRAM ISRAK & MIKRAJ DI MASJID AL-MAHABAH TAMAN BUKIT MEWAH



13 MAC 2024
TINJAUAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE TAPAK BAZAR RAMADAN ANSANA JOHOR BAHRU MALL



26 APRIL 2024
JB NEON RECREATIONAL NIGHT DI TMIYC JOHOR BAHRU



4 MEI 2024
PERASMIAN MAPEX 2024 DI JOHOR BAHRU CITY SQUARE



7 MEI 2024
PENYERAHAN RASMI ASET KENDERAAN JABATAN MBBJ



9 MEI 2024
PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA ANGGOTA PPBJB YANG BAKAL MENUNAIKAN IBADAH HAJI



Dah bayar cukai harta ?
JOM BAYAR CUKAI HARTA MBBJ !
Hujung jari anda sahaja.....



IMBAS QR KOD

**JADUAL WAKTU URUSAN KAUNTER SETEMPAT
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

MENARA MBBJ

AHAD - RABU : 8.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS : 8.00 PAGI - 3.00 PETANG
WAKTU REHAT : 1.00 TENGAH HARI - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU &
HARI KELEPASAN AM : TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

SETIAP HARI : 8.00 PAGI - 5.00 PETANG
HARI KELEPASAN AM : TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA (07-386 1535)

AHAD - RABU : 9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS : 9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
JUMAAT, SABTU &
HARI KELEPASAN AM : TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA (07-357 3314)

AHAD - RABU : 9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS : 9.00 PAGI - 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU &
HARI KELEPASAN AM : TUTUP

*TERTAKLUK KEPADA PINDAAN



MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ
*Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien Dan Mesra
Kepada Pelanggan*

MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum,
80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.

TALIAN AM: 07 - 219 8000
FAKS: 07 - 223 0619
TALIAN BEBAS TOL: 1 - 300 - 88 - 0146
WHATSAPP ADUAN: 019 - 778 8212



www.mbjb.gov.my

mbjb.spab.gov.my

info@mbjb.gov.my